

UMP agih 600 pek juadah sahur

➔ Program zahir penghargaan petugas bekerja syif malam

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani
cnews@nstp.com.my

► Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meneruskan tradisi mengagihkan 600 pek juadah bersahur bagi tahun kelima berturut-turut kepada anggota keselamatan, agensi kerajaan, penghuni rumah anak yatim dan masyarakat sekitar daerah ini.

Program disertai 60 sukarelawan daripada Kelab Kebajikan Sukan dan Rekreasi Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (RESPEC), Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Persatuan Alumni UMP itu memabitkan beberapa lokasi termasuk Tol Gambang, Balai Bomba

dan Penyelamat Kuantan, Hospital Tunku Ampuan Afzan (HTAA), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, Teluk Cempedak dan Rumah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Nur Iman Kuantan.

Konsep singgah bermesra

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Prof Dr Yuserrie Zainuddin, berkata program itu memfokuskan petugas bekerja syif malam berkonsepkan singgah bermesra dan menyerahkan sumbangan juadah bersahur kepada mereka.

"Program memabitkan pelajar dan staf UMP serta komuniti setempat ini dapat merapatkan hubungan antara sukarelawan UMP dan masyarakat luar serta memahami kehidupan bermasyarakat



Yuserrie (empat dari kanan) menyerahkan pek juadah bersahur kepada Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuantan, Kamerul Bieza Kassim pada program Singgah Sahur UMP, kelmarin.



Program babitkan pelajar dan staf UMP serta komuniti setempat ini dapat rapatkan hubungan antara sukarelawan UMP dan masyarakat luar serta fahami kehidupan bermasyarakat dan memupuk nilai murni"

Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP

dan memupuk nilai murni.

"Selain itu, secara tidak langsung ia dapat menghargai penghargaan kepada petugas yang menyumbangkan kepada negara, selain meraikan Ramadan," katanya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr Muhammad Mat Noor dan Pengurus Besar Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Abd Rahman Safie.

Sukarelawan UMP juga berpeluang bersahur bersama penghuni Rumah Anak Yatim dan Miskin Nur Iman, di sini, yang turut menerima sumbangan duit raya RM3,000 disampaikan Presiden Persatuan Alumni UMP, Syed Hamzah Al Junid Syed Abdul Rahman kepada Yang Dipertua Rumah Anak Yatim dan Miskin Nur Iman,

Badrul Huzaini.

Terdahulu, 30 pelajar antarabangsa UMP teruja berpeluang terbuka puasa dalam suasana santai bersama Naib Canselor, Datuk Seri Prof Dr Daing Nasir Ibrahim, pegawai dan kakitangan universiti itu di Padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) di sini, pada sebelah petangnya.

Kesedihan terubat

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Penguasaan Industri, Natalie Gerth, 29, dari Jerman berkata, walaupun merindui kampung halaman kerana + tahun kedua berpuasa dan berhari raya di rantau orang, namun kesedihan itu terubat kerana dapat bersama rakan lain berpuasa dengan pelbagai juadah berbeza, berbanding di negara sendiri.